

Tahap Pengetahuan dan Minat Remaja Terhadap Seni Barzanji dan Marhaban: Kajian di Kalangan Pelajar SMKA Negeri Johor

Abdul Basit Samat@Darawi^a, Siti Rugayah Tibek^b, Razaleigh Muhamat@Kawangit^b

^aFakulti Tamadun Islam, Universiti Teknologi Malaysia, 81310 UTM Johor Bahru, Johor, Malaysia

^bJabatan Dakwah dan Kepimpinan, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia

*Corresponding author: basit@utm.my

Article history

Received :2 August 2013

Received in revised form :

5 December 2013

Accepted :15 December 2013

Abstract

This study is conducted to determine the knowledge and keenness of the teenagers towards these arts. This study looks not only at the aspects of relationship between the keenness and knowledge, but between knowledge and involvement. The respondents of the study are 328 form four students from all Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA) in Johor, which consist of SMKA Maahad Muar, SMKA Segamat, SMKA Johor Jaya dan SMKA Bandar Penawar. The data collected through questionnaire were analyzed using *Statistical Package for Social Sciences windows version 20.0 (SPSS)*. The finding shows that the knowledge level of the teenagers towards *barzanji* and *marhaban* is high with the min of 3.93. Their keenness level is average with the min of 3.43. Similar result is shown on the suitability level of both arts as a medium of *dakwah* with high min of 4.41. There is a strong positive relationship between keenness and knowledge and strong positive relationship between knowledge and involvement. The correlation test indicates the value of (r) 0.870 for the relationship between keenness and knowledge and (r) 0.679 for the relationship between knowledge and involvement. Since this practice has been neglected in the society, few suggestions have been proposed to ensure it continues to flourish.

Keywords: Barzanji; marhaban; medium of dakwah

Abstrak

Kajian ini dibuat bagi mengenal pasti sejauhmana pengetahuan dan minat golongan remaja terhadap seni barzanji dan marhaban. Kajian juga turut melihat aspek hubungan antara minat dengan pengetahuan dan antara pengetahuan dan penglibatan. Kajian ini melibatkan responden seramai 328 orang pelajar tingkatan empat Sekolah Menengah Agama seluruh negeri Johor (SMKA) iaitu SMKA Maahad Muar, SMKA Segamat, SMKA Johor Jaya dan SMKA Bandar Penawar. Data yang diperolehi dari soal selidik dianalisis menggunakan perisian *Statistical Package for Social Sciences windows version 20.0 (SPSS)*. Hasil kajian mendapati tahap pengetahuan remaja terhadap seni barzanji dan marhaban adalah tinggi iaitu min yang dicatatkan ialah 3.93. Tahap yang sederhana didapati pada aspek minat di mana diperolehi min sebanyak 3.43. Tahap kesesuaian seni barzanji dan marhaban sebagai media dakwah pada pandangan remaja adalah berada di tahap yang tinggi berdasarkan min yang diperolehi iaitu sebanyak 4.41. Terdapat hubungan positif kuat antara minat dengan pengetahuan dan hubungan positif kuat antara pengetahuan dengan penglibatan. Ujian kolerasi menunjukkan nilai (r) 0.870 pada hubungan antara minat dengan pengetahuan dan nilai (r) 0.679 pada hubungan antara pengetahuan dan penglibatan. Memandangkan amalan ini semakin terpinggir dalam masyarakat maka dikemukakan beberapa cadangan bagi memastikan ianya terus subur dan berkembang.

Kata kunci: Barzanji; marhaban; media dakwah

© 2014 Penerbit UTM Press. All rights reserved.

1.0 PENGENALAN

Seni barzanji dan marhaban adalah antara seni suara warisan Islam. Ianya telah lama diamalkan dan menjadi suatu tradisi dalam masyarakat Islam di negara kita. Sejarah awal amalan barzanji dan marhaban dikatakan bermula pada zaman kerajaan

Abbasiyah ketika pemerintahan Harun al-Rasyid. Perluasan perkembangan Islam telah membuka jalan kepada perkembangan kebudayaan bercirikan Islam bukan hanya di kalangan orang Arab malahan masyarakat seluruhnya (Syeikh Abdul Ghaffar Syeikh Abdul Quddus, 1993: 5). Pengarang kitab maulid barzanji ialah Sayyid Ja'afar b. Hasan. Perkataan

barzanji itu dinisbahkan kepada kampung asal keturunannya iaitu Barzanj dalam wilayah Kurdistan, Iraq (Muhammad Fuad al-Maliki, 2009: 12). Seni barzanji dan marhaban pada kebiasaannya diadakan pada majlis-majlis seperti sambutan Maulidurrasul, upacara potong jambul, majlis kesyukuran menyambut kelahiran, perkahwinan dan sebagainya (Selamat Hashim, 2008: 197). Seni suara berperanan sebagai suatu wadah dalam menyampai mesej dakwah dan ini tidak terkecuali pada seni barzanji dan marhaban. Seni suara warisan Islam ini dianggap sebagai media dakwah di mana isi kandungannya memaparkan tentang kehidupan Rasulullah s.a.w. dan puji-pujian terhadap Baginda s.a.w. Diceritakan dalam kitab barzanji tentang sejarah perjuangan serta keperibadian Rasulullah s.a.w. yang seharusnya menjadi contoh teladan bagi seluruh umat manusia (Abu Bakar Ya'cub, 5: 1974).

■2.0 PERMASALAHAN KAJIAN

Kesenian ini boleh menjadi satu wadah dalam usaha membentuk nilai serta peribadi yang baik. Selain dari sebagai pengisian dalam majlis-majlis tertentu, amalan barzanji dan marhaban mampu mendidik jiwa dan memberi kesan baik kepada pembinaan sahsiah diri masyarakat terutamanya golongan muda. Namun pada hari ini, seni warisan yang bercirikan kebudayaan Islam dan sudah lama bertapak dalam masyarakat kita dilihat semakin dilupakan (Syekh Abdul Ghaffar Syekh Abdul Quddus, 2008: 11). Ianya tidak lagi semeriah seperti masa-masa sebelum ini. Melalui pemerhatian yang dibuat, seni barzanji dan marhaban tidak lagi menjadi sebagai pengisian wajib pada majlis-majlis yang dahulunya sentiasa diadakan aktiviti barzanji dan marhaban. Sekiranya tiada usaha yang efisien dan bersifat kolektif adalah tidak mustahil ianya tidak lagi diamalkan dalam masyarakat kita. Golongan muda atau remaja terutamanya perlu didedahkan dengan aktiviti sedemikian kerana merekalah yang akan menjadi penyambung legasi agar seni ini terus subur sampai bila-bila. Sehubungan dengan itu adalah wajar satu kajian dibuat bagi mengenal pasti tentang aspek pengetahuan dan di kalangan remaja. Input yang tepat dalam hal tersebut akan dapat membantu dalam mencari kaedah yang sesuai bagi menghidup serta menyemarakkan seni barzanji dan marhaban dalam masyarakat seterusnya dapat memperkasakan seni barzanji dan marhaban sebagai media dakwah.

■3.0 OBJEKTIF KAJIAN

- i. Mengetahui sejauhmana tahap pengetahuan golongan remaja terhadap seni barzanji dan marhaban
- ii. Mengetahui sejauhmana tahap minat golongan remaja terhadap seni barzanji dan marhaban
- iii. Mengetahui tahap hubungan antara minat dengan pengetahuan dan pengetahuan dengan penglibatan
- iv. Mengemukakan cadangan bagi mengembangkan seni barzanji dan marhaban

■4.0 METODOLOGI KAJIAN

Reka bentuk kajian ini adalah menggunakan kaedah tinjauan dengan beberapa set soal selidik yang diedarkan kepada responden. Setiap set borang soal selidik dibina berdasarkan kepada kepentingan maklumat-maklumat yang dikehendaki daripada subjek kajian.

i. Persampelan

Bagi mewakili pandangan remaja tentang kajian yang dibuat, responden yang dipilih adalah dari kalangan remaja di Sekolah Menengah Kebangsaan Agama di seluruh negeri Johor iaitu SMKA Johor Jaya, SMKA Maahad Muar, SMKA Segamat, SMKA Bandar Penawar. Jumlah keseluruhan responden adalah seramai 328 orang.

ii. Kaedah pengumpulan data

Soal selidik telah digunakan dalam usaha pengumpulan data. Ianya dibina sendiri oleh penyelidik untuk mendapatkan data mengenai latar belakang subjek kajian dan matlamat serta objektif kajian. Soal selidik mengandungi sebanyak 44 item yang dibahagikan kepada 4 bahagian iaitu bahagian A, B1, B2 dan B3.

Bahagian A yang mengandungi 8 item adalah berkaitan maklumat latar belakang responden yang dikaji. Manakala pada bahagian B1, B2 dan B3 terdapat 36 item bertujuan mengkaji pengetahuan, minat dan kesesuaian seni barzanji dan marhaban sebagai media dakwah. Item-item tersebut dibahagikan mengikut objektif yang telah dikemukakan. Pada bahagian B1 sebanyak 12 item berkaitan pengetahuan remaja terhadap barzanji dan marhaban, bahagian B2 pula sebanyak 12 item berkaitan minat remaja terhadap barzanji dan marhaban manakala 12 item lagi pada bahagian B3 yang berkaitan dengan pandangan remaja tentang kesesuaian seni barzanji dan marhaban sebagai media dakwah. Soal selidik di bahagian B1, B2 dan B3 setiap satunya mengandungi 12 item positif dan berbentuk skala permarkahan Likert dengan 5 pilihan jawapan iaitu (1) Sangat tidak setuju (2) Tidak setuju (3) Tidak Pasti (4) Setuju dan (5) Sangat setuju.

Sebelum soal selidik diberikan kepada responden yang sebenar, terlebih dahulu dibuat ujian rintis (*pilot study*) bagi mendapatkan kesahan terhadap soal selidik yang dibina. Tahap kesahan dan kebolehpercayaan yang tinggi telah diperolehi dengan nilai kebolehpercayaan *alpha cronbach* ialah 0.835.

iii. Kaedah penganalisan data

Data-data dianalisis menggunakan *Statistical Package for Social Science* (SPSS) versi 2.0. Data-data yang diperolehi diolah dengan menggunakan jadual kekerapan dan peratusan. Kaedah analisis deskriptif iaitu kekerapan dan peratusan digunakan bagi menjelaskan setiap konstruk yang dikaji.

■5.0 HASIL KAJIAN

5.1 Hasil Kajian Tahap Pengetahuan dan Minat Remaja Terhadap Seni Barzanji dan Marhaban

5.1.1 Tahap Pengetahuan Remaja Terhadap Seni Barzanji dan Marhaban

Jadual 1 menunjukkan peratusan setiap skor dan min setiap item serta min keseluruhan bagi konstruk pengetahuan. Dalam bahagian B1 soal selidik mengandungi 12 item berkaitan konstruk pengetahuan. Jumlah min keseluruhan yang diperolehi ialah 3.93. Ia menunjukkan tahap yang tinggi. Adalah didapati item yang mempunyai nilai min yang paling tinggi dalam konstruk pengetahuan ialah item B1.3 'Seni barzanji dan marhaban selalu diadakan dalam majlis seperti maulidurrasul, perkahwinan dan sebagainya' iaitu dengan nilai min 4.61. Data menunjukkan 95.7% (n=320) di kalangan responden bersikap positif dengan menyatakan setuju dan sangat setuju manakala 4.3% (n=14) pula bersikap sederhana dengan menyatakan tidak

pasti. Tiada data yang menunjukkan adanya responden yang bersikap negatif terhadap item ini dimana tiada seorang pun

yang menyatakan tidak setuju dan sangat tidak setuju.

Jadual 1 Peratusan dan min bagi pengetahuan remaja terhadap seni barzanji dan marhaban

Bil.	Item	STS	TS	TP	S	SS	Min
1.	Saya mengetahui apa itu barzanji dan marhaban	0.6%	0.3%	7%	40%	52%	4.42
2.	Seni barzanji dan marhaban satu cara dakwah melalui seni suara	-	0.9%	4.3%	37.2%	57.6%	4.51
3.	Seni barzanji kebiasaannya diadakan dalam majlis Maulidurrasul, perkahwinan dan sebagainya	-	-	4.3%	29.6%	66.1%	4.61
4.	Saya boleh membaca barzanji dan marhaban dengan baik	4.6%	7.9%	39.9%	38.7%	8.8%	3.40
5.	Saya mempunyai kemahiran dalam barzanji dan marhaban	4.9%	10.1%	45.7%	33.5%	5.8%	3.25
6.	Saya pernah membaca terjemahan barzanji dan marhaban	11%	25%	36.5%	24.1%	3.4%	2.84
7.	Saya sering melibatkan diri dalam barzanji dan marhaban	5.2%	19.2%	36.3%	32%	7.3%	3.18
8.	Seni barzanji dan marhaban sesuai Semua peringkat usia	0.6%	1.2%	4%	26.2%	68%	4.60
9.	Seni barzanji dan marhaban amalan yang digalakkan dalam Islam	-	1.2%	7.9%	24.1%	66.8%	4.56
10.	Terdapat pelbagai irama/lagu dalam seni barzanji dan marhaban	-	-	10.8%	30.7%	58.5%	4.48
11.	Ibu bapa saya turut terlibat dalam barzanji dan marhaban	2.4%	8.2%	23.9%	38.4%	27.1%	3.80
12.	Pihak sekolah turut mengadakan majlis barzanji dan marhaban	3.9%	8.8%	35.4%	35.7%	16.2%	3.51

Jumlah min keseluruhan: 3.93

Manakala item yang mempunyai nilai min paling rendah dalam konstruk pengetahuan ialah item B1.6 'Saya pernah membaca terjemahan barzanji dan marhaban' iaitu dengan nilai min 2.84. Data bagi item ini menunjukkan 27.5% (n=90) responden bersikap positif dengan menyatakan setuju dan sangat setuju manakala 36% (n=118) yang bersikap negatif dengan menyatakan tidak setuju dan sangat tidak setuju. Paling ramai dalam item ini adalah kelompok responden yang bersikap sederhana dengan menyatakan tidak pasti iaitu 36.5% (n=120).

Terdapat empat item yang menunjukkan tahap sangat tinggi iaitu item B1.2 (4.42), B1.3 (4.61), B1.8 (4.60) dan B1.9 (4.56). Dalam pada itu terdapat empat item yang menunjukkan tahap tinggi iaitu item B1.1 (4.42), B1.10 (4.48), B1.11 (3.80) dan B1.12 (3.51). Didapati juga terdapat empat item yang menunjukkan tahap sederhana iaitu item B1.4 (3.40), B1.5 (3.25), B1.6 (2.84) dan B1.7 (3.18). Tiada item yang menunjukkan tahap rendah dan tahap sangat rendah. Berdasarkan nilai keseluruhan min yang diperolehi iaitu 3.93 dapat dirumuskan bahawa pengetahuan remaja terhadap seni barzanji dan marhaban berada di tahap tinggi.

5.1.2 Tahap Minat Remaja Terhadap Seni Barzanji dan Marhaban

Jadual 2 menunjukkan peratusan setiap skor dan min setiap item dan min keseluruhan bagi konstruk minat. Dalam bahagian B2 soal selidik mengandungi 12 item berkaitan konstruk minat. Jumlah min keseluruhan yang diperolehi ialah 3.50. Ia menunjukkan tahap yang sederhana. Adalah didapati item yang mempunyai nilai min yang paling tinggi dalam konstruk minat ialah item B2.1 'Saya menyukai aktiviti barzanji dan marhaban' iaitu dengan nilai min 3.96. Data menunjukkan 75.3% (n=247) di kalangan responden bersikap positif dengan menyatakan setuju dan sangat setuju manakala terdapat jumlah yang kecil daripada responden yang bersikap negatif dengan menyatakan tidak setuju dan sangat tidak setuju iaitu sejumlah 3.4% (n=6). Reponden yang bersikap sederhana dengan menyatakan tidak pasti pula dicatatkan sebanyak 21.3% (n=70).

Jadual 2 Peratusan dan min bagi minat remaja terhadap seni barzanji dan marhaban

Bil.	Item	STS	TS	TP	S	SS	Min
1.	Saya menyukai aktiviti barzanji dan marhaban	1%	2.4%	21.3%	50%	25.3%	3.96
2.	Saya mempunyai koleksi kitab/buku barzanji dan marhaban	5.5%	16.8%	34.1%	31.1%	12.5%	3.28
3.	Saya selalu membaca serta mengalunkan barzanji dan marhaban	6.1%	27.1%	43%	22%	1.8%	2.86
4.	Saya mempunyai koleksi barzanji dan marhaban dalam bentuk audio digital	13.4%	35.7%	35%	12.5%	3.4%	2.57
5.	Saya selalu mendengar barzanji dan marhaban melalui audio digital	9.1%	29.2%	34.5%	23.5%	3.7%	2.83
6.	Saya meminati irama/lagu dalam seni barzanji dan marhaban	1.5%	4.6%	22.3%	46%	25.6%	3.90
7.	Saya berminat untuk memahami isi kandungan barzanji dan marhaban	1.2%	4.3%	27.1%	47%	20.4%	3.81
8.	Saya berminat untuk mengikuti kelas barzanji dan marhaban	2.1%	8.8%	36%	34.8%	18.3%	3.58
9.	Saya berminat menyertai perujian barzanji dan marhaban	4.6%	13.1%	39.9%	30.5%	11.9%	3.32
10.	Saya berminat menyertai barzanji dan marhaban yang dianjurkan di sekolah	3.0%	7.6%	38.1%	36.1%	15.2%	3.53
11.	Saya bersetuju sekiranya barzanji dan marhaban sebagai satu aktiviti ko-kurikulum	1.5%	5.9%	26.5%	39%	27.1%	3.84
12.	Saya suka menyertai aktiviti barzanji dan marhaban bersama ahli keluarga	1.2%	8.5%	28%	42.8%	19.5%	3.71

Jumlah min keseluruhan: 3.50

Item dengan nilai min yang paling rendah dalam konstruk minat pula ialah item B2.4 'Saya mempunyai koleksi barzanji dan marhaban dalam bentuk audio digital' iaitu dengan nilai min 2.57. Data bagi item ini menunjukkan 15.9% (n=52) responden yang bersikap positif dengan menyatakan setuju dan sangat setuju dan ini adalah nilai peratusan yang paling rendah berbanding dengan skor yang lain. Manakala yang paling tinggi diperolehi pada data yang menunjukkan sikap negatif dengan menyatakan tidak setuju dan sangat tidak setuju iaitu 49.1% (n=161). Responden yang bersikap sederhana pula dimana mereka menyatakan tidak pasti ialah sejumlah 35% (n=15).

Adalah didapati item-item dalam konstruk minat ini berada pada tahap penilaian tinggi dan sederhana. Tidak didapati item-item yang berada pada tahap sangat tinggi, rendah dan sangat rendah. Terdapat tujuh item yang menunjukkan tahap tinggi iaitu item B2.1 (3.96), B2.6 (3.90), B2.7 (3.81), B2.8 (3.58), B2.10 (3.53), B.11 (3.84) dan B.12 (3.71). Didapati terdapat lima item yang menunjukkan tahap sederhana iaitu item B2.2 (3.28), B2.3 (2.86), B2.4 (2.57), B2.5 (2.83) dan B2.9 (3.32). Tahap minat remaja terhadap seni barzanji dan marhaban adalah berada pada tahap sederhana berdasarkan kepada nilai min keseluruhan yang diperolehi iaitu 3.43. Ini adalah nilai keseluruhan min yang paling rendah berbanding dengan nilai keseluruhan min yang didapati pada konstruk-konstruk yang lain.

Jadual 3 Min keseluruhan bagi setiap konstruk

Bil.	Konstruk	Min
1	Pengetahuan	3.93
2	Minat	3.43

5.2 Hasil kajian sejauhmana wujudnya hubungan di antara minat dengan pengetahuan dan pengetahuan dengan penglibatan

Jadual 4 menunjukkan keputusan Ujian Korelasi Pearson untuk menentukan hubungan antara minat responden dalam marhaban dan berzanji dengan pengetahuan responden terhadap marhaban dan berzanji. Hasil ujian menunjukkan bahawa hubungan positif sangat kuat antara minat dan pengetahuan. Oleh kerana nilai $r = 0.870$ merupakan satu hubungan yang positif, ini menunjukkan wujudnya hubungan yang signifikan di antara kedua pemboleh ubah tersebut dengan nilai signifikannya ialah 0.000 iaitu lebih kecil daripada aras signifikan yang ditetapkan iaitu $p = 0.01$. Minat dan pengetahuan mempunyai hubungan yang kuat antara keduanya. Dalam ertikata lain keduanya saling mempengaruhi. Perasaan minat seseorang terhadap sesuatu perkara terkesan dari pengetahuan seseorang terhadapnya dan begitulah sebaliknya.

Jadual 4 Hubungan antara minat dengan pengetahuan

		Minat	Pengetahuan
Minat	Kolerasi Pearson	1	.767**
	Sig. (2 - arah)	328	.000
	N		328
Pengetahuan	Kolerasi Pearson	.870**	1
	Sig. (2 - arah)	.000	
	N	328	328

** Kolerasi signifikan pada aras 0.01 (2 - arah)

Jadual 5 Hubungan antara pengetahuan dengan penglibatan

		Pengetahuan	Penglibatan
Pengetahuan	Kolerasi Pearson	1	.735**
	Sig. (2 - arah)		.001
	N	328	328
Penglibatan	Kolerasi Pearson	.679**	1
	Sig. (2 - arah)	.001	
	N	328	328

**Kolerasi signifikan pada aras 0.01 (2 - arah)

Jadual menunjukkan keputusan Ujian Korelasi Pearson untuk menentukan hubungan antara pengetahuan responden dalam barzanji dan marhaban dengan penglibatan responden dalam aktiviti barzanji dan marhaban. Hasil ujian menunjukkan hubungan positif kuat antara pengetahuan dengan penglibatan. Oleh kerana nilai $r = 0.679$ merupakan satu hubungan yang positif, ini menunjukkan wujudnya hubungan yang signifikan diantara kedua pemboleh ubah tersebut dengan nilai signifikannya ialah 0.001 iaitu lebih kecil daripada aras signifikan yang ditetapkan iaitu $p = 0.01$.

Kajian menunjukkan bahawa wujud hubungan kuat antara pengetahuan dan penglibatan. Pengetahuan remaja terhadap seni barzanji dan marhaban mempunyai perkaitan secara langsung dengan rasa ingin mereka untuk melibatkan diri dengan aktiviti atau program berkaitan.

6.0 CADANGAN BAGI MELESTARI SERTA MEMPERKEMBANGKAN SENI BARZANJI DAN MARHABAN

Mutakhir ini didapati seni barzanji dan marhaban semakin dilupakan dalam masyarakat. Oleh yang demikian, langkah-langkah oleh pihak-pihak tertentu perlu diambil bagi memastikan seni barzanji dan marhaban ini terus dipulihara dan terus diamalkan dalam masyarakat.

i. Kementerian Kesenian, Kebudayaan dan Warisan (KEKWA)

Pihak kerajaan khususnya melalui Kementerian Kesenian, Kebudayaan dan Warisan atau ringkasnya KeKKWa boleh memainkan peranan yang amat berkesan. Seni barzanji dan marhaban juga sebagai satu seni warisan yang telah diamalkan dalam masyarakat kita sejak dari zaman berzaman. Keprihatinan pihak kementerian terbabit terhadap perkembangan seni warisan ini amatlah dialu-alukan. Adalah amat bertepatan sekiranya pihak KEKWA turut meletakkannya di bawah pengelolaan kementerian tersebut kerana aspek seni, budaya dan warisan amat relevan dengan seni barzanji dan marhaban itu sendiri.

Program-program berkaitan boleh digerakkan oleh pihak kementerian seperti dalam bentuk seminar, persembahan, festival samada peringkat kebangsaan mahupun antarabangsa sepertimana yang selalu diadakan pada jenis atau aspek kesenian yang lainnya. Ini tentu sekali memberi impak yang amat baik kepada perkembangan seni warisan ini.

ii. Kementerian Pelajaran

Pihak Kementerian Pelajaran juga boleh memainkan peranannya dalam perkembangan seni barzanji dan marhaban. Pengkaji mendapati aktiviti seni barzanji dan marhaban di peringkat sekolah adalah inisiatif sekolah itu sendiri seperti ada yang mengadakannya sempena majlis Maulidurrasul. Antara usaha yang boleh diambil oleh pihak kementerian ialah mengadakan pertandingan/perujian barzanji dan marhaban antara sekolah-sekolah hingga peringkat kebangsaan sepertimana diadakan Majlis Tadarrus al-Quran (MTQ). Berdasarkan kepada kajian yang dibuat, majoriti pelajar juga memberikan respon yang positif sekiranya seni barzanji dan marhaban ini dijadikan salah satu dari kegiatan ko-kurikulum sekolah, ini akan menjadi satu platform yang baik kepada mana-mana pelajar yang berminat untuk mendalaminya.

iii. Institusi Pengajian Tinggi

Institusi Pengajian Tinggi (IPT) juga boleh memberi sumbangan kepada menyemarakkan program seni barzanji dan marhaban. Pihak IPT selalu mengadakan seminar, persembahan, pertandingan pelbagai acara kesenian terutamanya yang berkait rapat dengan kebudayaan dan warisan negara. Ini akan memberi impak yang positif kepada seni barzanji dan marhaban sekiranya diberi tempat dalam program-program sedemikian. Satu usaha yang baik dan efisien sekiranya seni warisan Islam ini dijadikan salah satu dari kursus pilihan bagi pelajar-pelajar di IPT.

iv. Perubahan atau penambahbaikan cara persembahan seni barzanji dan marhaban

Kesan dari amalan seni barzanji dan marhaban bukan sahaja memberi impak yang baik kepada pembangunan sahsiah individu malahan juga kepada semangat muafakat dan persaudaraan dalam masyarakat. Adalah lebih baik lagi sekiranya isi kandungan dalam barzanji dan marhaban yang memaparkan kisah yang berkaitan dengan Rasulullah s.a.w. itu benar-benar dapat difahami dan dihayati. Mungkin satu cadangan yang baik dan menarik sekiranya diadakan sesi penjelasan tentang isi kandungan selepas ianya dipersembahkan atau dilagukan juga dalam bahasa ibunda selepas bait-bait tertentu dipersembahkan dalam bahasanya yang asal. Satu pendekatan yang menarik dalam pertandingan seni barzanji dan marhaban yang dianjurkan oleh pihak Universiti Sains Islam Malaysia misalnya, skrin besar disediakan bagi memaparkan maksud bagi setiap bait-bait untuk tatapan para audien. Kemungkinan juga boleh diambil teknik persembahan seni barzanji dan marhaban di sesetengah tempat di Indonesia yang menggunakan peralatan muzik seperti gendang dan kompang bagi mengiringi persembahan barzanji dan marhaban dan ini mampu menjadikan persembahan itu lebih segar dan menarik. Pendekatan pihak Yayasan Warisan Johor memasukkan lagu-lagu dalam seni tarannum al-Quran dilihat sebagai satu usaha yang baik bagi menambahbaikan seni lagu atau alunan dalam barzanji (Abu Bakar Selamat dan Nur Haffni Salleh, 2012: 2)

■7.0 KESIMPULAN

Tahap pengetahuan dan minat terhadap seni barzanji dan marhaban gdi kalangan remaja berada pada tahap yang membanggakan. Min yang diperolehi bagi ketiga-tiga konstruk menunjukkan keadaan sedemikian. Nilai min bagi tahap pengetahuan ialah 3.93 dan ini menunjukkan tahap yang positif atau tinggi. Begitu juga dengan pengukuran bagi tahap minat mereka. Min yang dicapai bagi konstruk minat ialah 3.50 dimana ianya berada di tahap sederhana. Hubungan yang positif juga wujud antara kedua pemboleh ubah antara minat dengan pengetahuan, begitu juga antara pengetahuan dengan penglibatan. Pengkaji berpandangan bahawa latar belakang pendidikan agama di kalangan pelajar sebagai responden telah memberi kesan kepada aras tahap pengetahuan dan minat mereka. Dalam pada itu wujud perkaitan yang saling mempengaruhi antara minat dengan pengetahuan serta pengetahuan dengan penglibatan.

Rujukan

Abdul Ghaffar Abdul Quddus. 1993. *Barzanji dan Konsep Amalannya di Nusantara*. Kuala Terengganu: Penerbit Yayasan Islam Terengganu.

- Abu Bakar Selamat dan Nur Haffni Salleh. Kertas kerja. *Usaha Yayasan Warisan Johor untuk Memugar, Melestari dan Mengembangkan Seni Bacaan Barzanji*. Persidangan Meja Bulat: Seni Warisan Kitab Barzanji. Anjuran Institut Kajian Rantau Asia Barat (IKRAB), UKM. Puri Pujangga Universiti Kebangsaan Malaysia. 21 Disember 2012.
- Best, J.W and Kahn, J.V. 1989. *Research in Education*. 6th. Ed. New Jersey: Prentice Hall.
- Joyce P. Gall dan Walter R. Borg. 1996. *Educational Research: An Introduction*. New York: Longman.
- Majid Konting. 2002. *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Martin Denscombe. 1988. *The Good Research Guide*. Buckingham: Open University Press.
- Miller dan Salkind. 2002. *Handbook of Research Design and Social Measurement*. London: Sage Publication.
- Mohd. Najib Abdul Ghaffar. 2003. *Reka Bentuk Tinjauan Soal Selidik*. Skudai: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.
- Muhammad Fuad Kamaluddin al-Maliki. 2009. *Amalan Barzanji Menurut Perspektif Islam*. Johor Bahru: Penerbit Pusat Islam Iskandar Johor.
- Mujani Tarimin dan Fairuz el-Basri. *Pembentukan Generasi Melalui Seni*. International Seminar on Islamic Thoughts. Islam: Past, Present and Future. Jabatan Usuluddin dan Falsafah, Fakulti Pengajian Islam Universiti Kebangsaan Malaysia. 7-9 Disember 2004
- Selamat Hashim. 2008. *Jati Diri Johor dalam Pelbagai Perspektif: Barzanji dan Marhaban*. Johor Bahru: Penerbit Yayasan Warisan Johor.
- Sidek Mohd. Noah. 2002. *Reka Bentuk Penyelidikan: Falsafah, Teori dan Praktis*. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.